

OPUS ASSET MANAGEMENT SDN BHD DAN BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD MEMETERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) UNTUK MENAWARKAN PELBAGAI PENYELESAIAN PELABURAN

KUALA LUMPUR, Selasa, [22 Julai 2025]: Opus Asset Management Sdn Bhd (OpusAM) dan Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) pada 22 Julai 2025 bagi menjalin kerjasama strategik. Usaha sama ini bertujuan menawarkan pelbagai penyelesaian pelaburan patuh Syariah yang dipilih secara rapi untuk pelanggan baharu dan sedia ada Bank Islam.

MoU ini telah ditandatangani oleh Pengarah Urusan Kumpulan OpusAM, Siaw Wei Tang dan Pengarah Pengurusan Kekayaan Bank Islam, Datin Zaharah Abd Muttalib. Pemeteraian dokumen berkenaan disaksikan oleh Pengerusi Opus Islamic Asset Management, Noorshidah Ismail dan Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan - Perbankan Runcit Bank Islam, Mizan Masram. Turut hadir, barisan eksekutif kanan dan warga kerja daripada kedua-dua organisasi.

Siaw Wei Tang menekankan kepentingan menyediakan penyelesaian pelaburan yang menawarkan pulangan konsisten dan mampan dalam usaha menyokong pelanggan demi mencapai matlamat kewangan mereka. Beliau berkata, "Dengan lambakan skim pelaburan palsu yang menjanjikan pulangan tidak munasabah, ramai individu telah menjadi mangsa penipuan. Di OpusAM, kami komited untuk mempromosikan pelaburan pendapatan tetap yang boleh dipercayai dan stabil sebagai pilihan simpanan. Langkah ini dapat memastikan pemeliharaan modal yang lebih baik ketika berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi global."

Selaras dengan penekanan global terhadap aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), OpusAM mengukuhkan lagi komitmennya terhadap pelaburan bertanggungjawab dengan menjadi penandatangan Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (UN PRI) yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada Mac 2024. Sehubungan itu, OpusAM berikrar untuk mematuhi enam prinsip pelaburan bertanggungjawab yang termaktub di bawahnya.

“Melalui kerjasama ini, kami ingin menyediakan akses yang lebih meluas terhadap produk pendapatan tetap patuh Syariah kami kepada pelanggan Bank Islam, seterusnya memenuhi matlamat pelaburan jangka pendek dan panjang mereka,” tambah Siaw Wei Tang.

Mizan Masram menekankan ketersediaan Bank dalam memenuhi permintaan terhadap penyelesaian pelaburan patuh Syariah, pada masa sama, memelihara modal dan menyediakan pulangan yang stabil bagi pelabur sofistikated.

“Kerjasama strategik bersama OpusAM ini mengukuhkan lagi komitmen kami dalam menawarkan peluang pelaburan yang lebih pelbagai dan alternatif berdaya maju yang menjangkaui deposit tetap biasa.”

“Dana-dana pendapatan tetap OpusAM direka untuk memenuhi pelbagai matlamat kewangan, pada masa sama, mengekalkan kecairan dan memastikan kestabilan pelaburan. Menerusi kerjasama ini, kami berhasrat untuk memperkasakan pelanggan untuk mengembangkan serta memeliharakekayaan mereka dengan penuh keyakinan, berlandaskan strategi pelaburan berhemah dan prinsip kewangan beretika,” tambah Mizan Masram.

Berkuat kuasa 15 Julai 2025, Bank Islam berperanan sebagai rakan pengedar baharu bagi produk pelaburan OpusAM. Ini termasuk Opus Shariah Cash Extra Fund, Opus Shariah Income Fund dan Opus SRI Sukuk Fund (Kelas B) yang ditawarkan di lebih 100 cawangan Bank Islam di seluruh negara.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.my.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.